

Syarat-Syarat Pembelian

1. Skop dan persetujuan kontrak

1.1 Syarat-syarat Pembelian ini hendaklah terpakai kepada penghantaran barang-barang dan perkhidmatan Pembekal, kecuali dipersetujui sebaliknya. Terma-terma and syarat-syarat am lain, khususnya syarat-syarat and terma-terma biasa Pembekal, tidak akan mengikat Pelanggan walaupun mereka tidak membantah secara nyata dalam kes individu atau jika barang-barang/perkhidmatan yang dipesan telah diterima tanpa syarat.

1.2 Pesanan-pesanan pembelian dan penerimaannya dan semua perjanjian antara Pelanggan dan Pembekal bagi tujuan pelaksanaan kontrak hanya akan jadi sah sekiranya ia dibuat secara bertulis. Penghantaran melalui faks, penghantaran secara jauh atau emel harus dianggap sebagai penghantaran secara bertulis.

1.3 Pembekal mengaku janji untuk menerima pesanan pembelian dengan mengembalikan pengesahan pesanan itu dalam tempoh dua minggu, jika gagal, Pelanggan berhak untuk membatalkan pesanan pembelian.

2. Penghantaran, tempat pelaksanaan, dan akibat-akibat kegagalan untuk memenuhi masa penghantaran

2.1 Masa penghantaran yang dipersetujui antara Pelanggan dan Pembekal adalah mengikat. Pelanggan akan diberitahu dengan segera tentang sebarang keadaan yang menghalang masa penghantaran daripada dipenuhi atau menanggungkan penghantaran. Masa penerimaan barang atau penyempurnaan di premis Pelanggan atau di tempat dimana ianya harus dihantarkan/dilaksanakan sepertimana yang dinyatakan dalam pesanan itu ("Tempat Perlaksanaan") akan menentukan sama ada masa penghantaran telah dipenuhi.

2.2 Penghantaran separa harus mendapatkan persetujuan Pelanggan.

2.3 Jika masa penghantaran/perlaksanaan yang dipersetujui tidak dipatuhi oleh Pembekal, Pelanggan boleh menuntut satu amaun pada kadar 0.5% ke atas nilai pesanan secara mingguan bermula dari tamat tempoh masa penghantaran/perlaksanaan yang dipersetujui, tetapi tertakluk kepada maksima 5% jumlah nilai pesanan secara sekaligus tanpa memberi sebarang bukti tentang kerosakan atau kerugian, melainkan dipersetujui sebaliknya secara eksplisit. Di samping itu, Pelanggan berhak untuk menuntut hak-hak berkanun. Persetujuan ke atas penghantaran atau perkhidmatan yang lewat tidak membentuk sebarang penepian/pelepasan pampasan. Pembekal kekal bertanggungjawab untuk membayar amaun tersebut di atas walaupun tiada reservasi jelas dinyatakan apabila barang atau perkhidmatan tersebut diterima.

2.4 Penerimaan penghantaran barang atau perkhidmatan yang lewat tanpa syarat tidak memberi implikasi bahawa Pelanggan menepikan apa-apa hak-hak Pelanggan terhadap pampasan yang disebabkan oleh kelewatan penghantaran barang atau perkhidmatan.

3. Pembekalan alat ganti

Pembekal hendaklah memastikan bahawa alat-alat ganti untuk item yang dibekalkan adalah tersedia untuk sekarang-kurangnya sepuluh tahun selepas pembuatan siri produk terhenti. Sumber-sumber dan lukisan-lukisan yang diperlukan untuk menghasilkan alat ganti juga hendaklah disimpan untuk tempoh ini. Kewajipan pengekalan ini akan luput selepas tempoh ini berakhir. Ia hanya dibenarkan untuk menolak ini jika terdapat alasan yang baik untuk berbuat demikian.

4. Harga, pemindahan risiko dan terma-terma pembayaran

4.1 Harga yang dinyatakan dalam pesanan adalah mengikat. Harga-harga adalah "Dibayar di Tempat" *DAP Incoterms 2010*, termasuk pembungkusan. Harga yang dinyatakan tidak termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dan apa-apa pindaan dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya ("GST"). Jika jumlah yang perlu dibayar di bawah Syarat-syarat Pembelian adalah tertakluk kepada GST, Pembekal hendaklah mengeluarkan dan menyampaikan kepada Pelanggan invoice cukai yang mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan di bawah perundangan-perundangan GST di Malaysia

4.2 Invoice-invoice perlu dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam pesanan belian yang menyatakan nombor pesanan. Jika pesanan belian itu hilang, invoice-invoice tidak akan dibayar dan akan dipulangkan kepada Pembekal; Pelanggan tidak akan bertanggungjawab untuk kelewatan akibat daripada ini. Satu invoice yang berasingan hendaklah dikeluarkan bagi setiap pesan-

an belian. Invoice hendaklah distrukturkan menurut pesanan belian. Mana-mana invoice untuk bayaran muka dan bayaran sebahagian serta invoice terakhir hendaklah dikenal pasti seperti itu. Jika kerja telah dibekalkan, lembaran kerja (laporan) yang ditandatangani oleh Pelanggan dan Pembekal hendaklah disertakan dengan invoice.

4.3 Invoice itu akan dibayar dalam tempoh 30 hari bersih selepas penghantaran atau penyediaan perkhidmatan tersebut dan penerimaan invoice tersebut oleh Pelanggan dikeluarkan menurut seksyen 4.2 di atas.

4.4 Sekiranya harga tertakluk kepada cukai pegangan, Pelanggan berhak untuk memotong amaun cukai pegangan yang dikehendaki oleh undang-undang Malaysia daripada bayaran kepada Pembekal dan membayar kepada pihak berkuasa cukai atas nama dan bagi pihak Pembekal. Jika terdapat perjanjian cukai dua kali dibuat di antara Malaysia dan negara Pembekal yang memperuntukkan pengecualian atau pengurangan jumlah cukai pegangan, Pelanggan hendaklah menyimpulkan jumlah maksimum cukai pegangan mengikut perjanjian cukai dua kali yang terpakai daripada bayaran kepada Pembekal, dengan syarat bahawa sebelum bayaran kepada Pembekal, Pembekal hendaklah menyediakan Pelanggan dengan satu sijil kediaman yang sah dan betul untuk membuktikan status cukai pemas-tautin di negara Pembekal.

4.5 Untuk penghantaran yang melibatkan kerja-kerja pemasangan, pentauliah atau perkhidmatan, pengalihan risiko berlaku sempena penerimaan oleh Pelanggan dan untuk penghantaran yang tidak melibatkan kerja-kerja pemasangan, pentauliah atau perkhidmatan, pengalihan risiko berlaku sempena penerimaan Pelanggan di tempat penerimaan yang ditetapkan.

4.6 Pemindahan hakmilik berlaku apabila penghantaran kepada (untuk bekalan barang-barang) atau penerimaan oleh (untuk penghantaran meliputi pemasangan, pentauliah atau perkhidmatan) Pelanggan, mengikut keadaan kes.

5. Penerimaan Ujian

Sekiranya Pembekal perlu melakukan kerja, satu penerimaan rasmi oleh Pelanggan adalah diperlukan. Pelanggan boleh memilih samada untuk membuat penerimaan di tempat Pembekal atau di tempat pelaksanaan. Pembayaran tanpa bersyarat tidak merupakan satu penerimaan, kebenaran ke atas item yang dibekal atau mengetepikan tuntutan untuk kecacatan.

6. Shipping

6.1 Notis pemberitahuan penghantaran barang harus diberikan paling lewat apabila penghantaran dikeluarkan dari kerja Pembekal.

6.2 Pembekal bersetuju untuk menandakan nombor pesanan belian dan alamat Pelanggan yang tepat atas semua dokumen penghantaran dan nota penghantaran. Sekiranya Pembekal gagal berbuat demikian, Pembekal harus bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Pelanggan atas semua kelewatan yang berlaku.

6.3 Penghantaran yang mana Pelanggan membayar kesemua atau sebahagian daripada kos fret harus dihantar dengan menggunakan kadar fret yang paling efektif dari segi kos dan menurut spesifikasi penghantaran Pelanggan.

6.4 Arah penghantaran yang terpakai adalah ditetapkan dalam pesanan pembelian.

7. Pembungkusan

7.1 Pembekal mengaku janji untuk membungkus barang-barang yang bakal dihantar menurut pesanan belian dan spesifikasi yang terpakai supaya barang-barang tidak akan dirosakkan sekiranya ia dikendalikan dengan cara yang biasa.

7.2 Tanpa mengira sama ada bungkusan berkenaan itu adalah bungkusan pengangkutan, bungkusan runcit atau pembalut perlindungan luar, Pembekal bersetuju untuk mengambilnya balik selepas ianya digunakan tanpa sebarang caj tambahan kepada Pelanggan dan menggunakan semula atau kitar semula bungkusan itu.

8. Notis Kecacatan

Pelanggan hendaklah memeriksa penghantaran untuk kuantiti yang betul, kerosakkan dalam transit dan kecacatan jelas, sejauh mana dan secepat mungkin suai manfaat dalam perjalanan urusan biasa. Kecacatan akan dilaporkan kepada Pembekal dalam tempoh lima hari dari tarikh

penemuan kecacatan. Tanpa mengambil kira apa-apa yang dinyatakan di atas, Pembekal menyetujui hujah penerimaan notis kecacatan yang lewat. Pelanggan mempunyai hak untuk menjalankan pemeriksaan yang lebih teliti terhadap barang-barang yang sampai.

9. Liabiliti Kecacatan

9.1 Pembekal waran kepada Pelanggan bahawa barang-barang atau perkhidmatan yang dipesan adalah bebas daripada kecacatan dan ketidaksempurnaan milikan perundangan pada masa penyerahan risiko.

9.2 Jika Pelanggan memaklumkan Pembekal tentang kegunaan yang diinaiatkan dan Tempat Perlaksanaan, Pembekal waran bahawa penghantaran dan perkhidmatannya adalah sesuai untuk kegunaan dan tempat tersebut.

9.3 Jika wujud kecacatan atau ketidaksempurnaan milikan, Pelanggan berhak kepada jaminan berkanan secara keseluruhannya atau membatalkan kontrol sebahagiannya atau keseluruhannya tanpa bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti ganti rugi.

9.4 Secara prinsip, Pelanggan berhak untuk memilih cara remedi. Sekiranya Pembekal tidak bermula dengan remedi seterusnya sebagai sebahagian daripada kontrak, iaitu pembedulan kecacatan atau penghantaran gantian, sebaik sahaja Pelanggan meminta Pembekal untuk berbuat demikian, Pelanggan berhak dalam kes-kes sedemikian dan juga untuk mengelakkan bahaya atau mengelakkan/menghadkan ganti rugi, untuk memberi remedi dengan cara yang dipilih oleh Pelanggan, atau membolehkan ia dilakukan oleh pihak ketiga, atas perbelanjaan Pembekal. Pelanggan mempunyai hak yang sama jika pembedulan kecacatan dan/atau penghantaran gantian gagal atau ditolak.

9.5 Jika dalam usaha untuk membetulkan kecacatan, kos pengalihan dan pemasangan adalah terlibat, Pembekal mengaku janji untuk menanggung kos itu dan juga kos pengangkutan untuk menghantarkan bahagian gantian ke dan dari tempat penggunaan dalam kes-kes di mana Pembekal adalah wajib untuk memasang bahagian yang dihantarkan dalam skop tanggungjawab penghantaran asalnya atau jika kecacatan itu disebabkan oleh Pembekal.

9.6 Jika tuntutan dibuat terhadap Pelanggan oleh pihak ketiga akibat pelanggaran hak pihak ketiga berkaitan dengan barang/perkhidmatan Pembekal, Pembekal mempunyai obligasi untuk memberi pampasan kepada Pelanggan terhadap tuntutan-tuntutan sedemikian atas permintaan bertulis yang pertama. Obligasi Pembekal untuk menanggung rugi Pelanggan adalah berkenaan dengan semua perbelanjaan yang seharusnya ditanggung oleh Pelanggan dari atau berkaitan dengan tuntutan oleh pihak ketiga.

9.7 Tuntutan ke atas kecacatan akan dihadkan masa - kecuali dalam kes-kes berniat perdaya - dalam 6 tahun bermula dari masa barang di terima di tempat pelaksanaan dan/atau kerja diterima. Jika Pembekal memenuhi obligasinya untuk membetulkan kecacatan dengan membekalkan bahagian ganti, tempoh had masa untuk bahagian berkenaan akan bermula semula selepas mereka telah dihantarkan.

10. Perisian

10.1 Pelanggan akan menerima hak tidak eksklusif, boleh pindah, berkekalan untuk menggunakan perisian yang merupakan sebahagian daripada skop penghantaran, termasuk dokumentasi untuknya, dengan ciri-ciri yang telah dipersetujui dan setakat yang perlu untuk memastikan penggunaan perisian mematuhi kontrak atau dibenarkan oleh undang-undang (Seksyen 69a ff. Undang-undang Hak Cipta Jerman, UrhG). Sebelum perisian tersebut dihantar atau dipasang pada sistem Pelanggan atau pelanggan akhirnya, Pembekal hendaklah menyemak perisian tersebut untuk virus, Trojan dan perisian perusak komputer lain dengan menggunakan program antivirus yang terkini dan biasa dan menghapuskan perisian perusak tersebut (jika ada). Syarat-syarat belian tambahan untuk mendapatkan perisian juga terpakai. Hal ini boleh dirujuk melalui <http://www.Voith.com>.

11. Jaminan kualiti

11.1 Pembekal mengaku janji untuk memantau kualiti barangannya secara berterusan dengan memasang sistem jaminan kualiti yang sesuai, contohnya DIN EN ISO 9001 atau yang seumpama, dan menjalankan ujian kualiti dan pemeriksaan yang ditetapkan oleh Pelanggan atau yang bersesuaian semasa dan selepas pembuatan barangannya. Pembekal hendaklah mendokumentasikan ujian dan pemeriksaan ini dan menyimpan dokumentasi ini untuk tempoh sepuluh tahun.

11.2 Pelanggan atau orang yang diguna khidmat oleh Pelanggan mempunyai hak untuk meminta bukti penghantaran bahan dan sistem jaminan kualiti yang dipasang oleh Pembekal adalah kualiti yang dinyatakan dalam kontrak, dan untuk memuaskannya sepanjang masa bahawa kualiti dan cara pemeriksaan dan ujian yang dijalankan di tapak Pembekal atau sub-pembekal adalah mencukupi dan juga mengaku janji atau menerima satu audit di loji Pembekal atau sub-pembekal pada perbelanjaan Pembekal.

11.3 Tanpa diminta untuk berbuat demikian, Pembekal hendaklah dengan segera dalam borang yang dinyatakan dalam Seksyen 1.3 memaklumkan Pelanggan perubahan dalam komposisi bahan yang telah diproseskan atau reka bentuk penghantaran atau perkhidmatannya. Perubahan tersebut memerlukan persetujuan bertulis Pelanggan.

11.4 Jika Pembekal berniat untuk mengatur sub-pembekal untuk memberi keseluruhan atau sebahagian besar penghantaran dan/atau perkhidmatan, Pembekal hendaklah memberitahu Pelanggan terdahulu. Dalam kes ini, sub-kontrak perlu mendapatkan kebenaran bertulis Pelanggan.

11.5 Polisi jaminan kualiti Pelanggan yang didedahkan kepada Pembekal dan perjanjian jaminan kualiti dengan Pembekal hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada kontrak.

12. Pemasaran produk dan liabiliti produk

12.1 Pembekal mengaku janji untuk mematuhi keperluan perundangan yang terpakai di tempat pejabat berdaftar dan tempat pelaksanaan.

12.2 Jika ia membekalkan produk di dalam skop pemakaian arahan European untuk pasaran kali pertama, seperti *EU Machinery Directive*, *Pressure Equipment Directive*, *EMC Directive*, dan lain-lain, Pembekal berjanji bahawa ia akan mematuhi kehendakan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dan proses-proses yang terkandung dalamnya dan mengeluarkan dokumen-dokumen yang dibekalkan untuk itu. Berkenaan jentera sebahagian siap, menurut *EC Machinery Directive No. 2006/42/EC*, Pembekal harus memberi Pelanggan satu deklarasi pemerbadanan mengikut Lampiran II *B EC Machinery Directive* dalam borang yang diminta oleh Pelanggan (deklarasi pemerbadanan lanjutan) dan arahan penggunaan menurut seksyen 1.7.4 Lampiran I *EC Machinery Directive*. Pembekal harus atas permintaan Pelanggan dan jika dipilih oleh Pelanggan memberi Pelanggan penilaian risiko yang pernah dihasilkan oleh Pembekal atau membenarkan Pelanggan untuk memeriksanya.

12.3 Jika Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas kerosakan di luar barangan yang dibekalkan dan tuntutan ditegaskan terhadap Pelanggan menurut undang-undang liabiliti produk, Pembekal akan bertanggungjawab untuk menanggung rugi Pelanggan terhadap tuntutan bagi ganti rugi oleh pihak ketiga di atas permintaan Pelanggan jika kausa kerosakan adalah dalam bidang tanggungjawab Pembekal dan Pembekal adalah bertanggungjawab kepada pihak-pihak ketiga.

12.4 Sebagai sebahagian daripada liabilitinya di bawah Seksyen 12.3, Pembekal juga berobligasi untuk membayar ganti apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan daripada atau berkaitan dengan satu amaran yang dikeluarkan atau penarikan balik dijalankan oleh Pelanggan. Setakat mana mungkin dan munasabah, Pelanggan hendaklah memaklumkan Pembekal kandungan dan skop tindakan yang akan dilaksanakan dan menyelaraskan mereka dengan Pembekal. Hak-hak dan remedi lain Pelanggan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang terpakai adalah tidak terjejas.

12.5 Pembekal mengaku janji untuk mengekalkan insurans liabiliti produk dengan perlindungan sekurang-kurangnya €1,000,000.00 atau nilai yang sama dalam matawang lain atas permintaan Pelanggan untuk setiap tuntutan. Insurans tersebut tidak prejudis hak Pelanggan untuk membuat tuntutan yang lebih luas untuk ganti rugi.

13. Keselamatan tempat kerja, perlindungan alam sekitar dan konflik mineral

13.1 Pembekal hendaklah memastikan bahawa penghantaran barang dan perkhidmatannya memenuhi perlindungan alam sekitar, pencegahan kemalangan dan keselamatan kerja yang terpakai di tapak Pelanggan atau tempat pelaksanaan lain yang mana Pembekal adalah biasa dengannya dan juga peraturan keselamatan yang supaya kesan negative kepada manusia dan alam sekitar boleh dielakkan atau dikurangkan. Pembekal hendaklah memasang sistem pengurusan bagi tujuan ini, contohnya DIN EN ISO 14001 atau yang serupa. Pelanggan mempunyai hak, jika berkenaan, untuk meminta bukti sistem pengurusan yang dipasang oleh Pembekal dan menjalankan audit di tapak Pembekal.

13.2 Pembekal beraku janji untuk mematuhi keperluan peraturan EU berkenaan kimia REACH (EU Regulation No. 1907/2006), secara khususnya, pendaftaran bahan. Pelanggan tidak wajib untuk mendapatkan kebenaran penghantaran item yang dibekalkan oleh Pembekal dalam jangka masa peraturan REACH.

13.3 Selanjutnya, Pembekal mengaku janji tidak akan membuat penghantaran bahan yang dinyatakan di Lampiran 1 hingga 9 peraturan REACH, keputusan Majlis 2006/507/EC (*Stockholm Convention on persistent organic pollutants*, *EC Regulation 1005/2009 on substances that deplete the ozone layer*, *the Global Automotive Declarable Substance List (GADSL) and the RoHS Directive (2002/95/EC)*) untuk produk mengikut bidang permohonan. Versi terkini untuk semua arahan amalan yang dinamakan di atas.

13.4 Sekiranya item yang dihantar mengandungi bahan yang tersenarai dalam *Candidate List of Substances of Very High Concern* (senarai

SVHC) yang dinyatakan di REACH, Pembekal mengaku janji untuk memberitahu Pelanggan tanpa kelewatan. Hal ini juga terpakai kepada bahan yang tidak disenarai sebelum ini dan ditambahkan dalam senarai ini apabila penghantaran dibuat. Selanjutnya, item yang dihantar tidak harus mengandungi asbestos, biocid atau bahan radioaktif.

13.5 Sekiranya item yang dihantar mengandungi bahan yang dinyatakan di Seksyen 13.3 and 13.4, Pelanggan harus memberitahu secara bertulis sebelum penghantaran nyatakan bahan, nombor identifikasi (sebagai contoh CAS) dan lembaran data keselamatan terkini. Pembekalan item yang dihantar ini perlu kebenaran berasingan daripada Pelanggan.

13.6 Pembekal mengaku janji untuk mengambil langkah-langkah yang berpatutan dalam organisasi dan dengan rujukan kepada rantaian penghantaran sendiri untuk memastikan produk yang dihantar kepada Pelanggan tidak mengandungi konflik mineral yang didefinisikan bawah Seksyen 1502 dan 1504 Akta Dodd-Frank Amerika Syarikat (termasuk tapi tidak terhad kepada columbite-tantalite (coltan), tin, wolframite, gold dan terbitan yang berasal dari negara Congo dan negara-negara berdekatan).

13.7 Pembekal mempunyai obligai untuk menanggung rugi Pelanggan ke atas semua liabiliti berkenaan dengan ketidakpatuhan Pembekal dengan peraturan-peraturan di atas dan/atau memberi pampasan kepada Pelanggan atas kerugian yang terjadi akibat ketidakpatuhan Pembekal.

13.8 Selanjutnya, Pembekal harus mematuhi peraturan-peraturan berkenaan dengan pelupusan buangan dan sisa bahan dan membawa kepada perhatian Pelanggan tentang rawatan produk, penyimpanan, dan keperluan pelupusan.

14. Reservasi Pemilikan, model-model, alat-alat dan kerahsiaan

14.1 Hak Pembekal untuk merizabkan pemilikan tidak diiktiraf.

14.2 Apabila Pelanggan memberi Pembekal bahan-bahan, bahagian-bahagian, bekas-bekas dan lain-lain, Pelanggan akan mengekalkan milikan ke atasnya. Pemprosesan dan transformasi bahagian ini adalah bagi pihak Pelanggan. Kalau barang tersebut diproses dengan item lain yang bukan milik Pelanggan, Pelanggan akan mendapat milikan bersama ke atas objek baru dengan pembahagian nilai harta Pelanggan dengan item lain yang diproses pada masa pemprosesan.

14.3 Sebarang model-model dan alat-alat yang dihasilkan oleh Pembekal atas perbelanjaan Pelanggan hendaklah menjadi harta Pelanggan apabila barangan itu dibayar. Mereka hendaklah dijaga dengan baik oleh Pembekal, dipaparkan sebagai harta Pelanggan dan - jika boleh - disimpan berasingan daripada produk Pembekal yang lain, serta diinsuranskan atas perbelanjaan Pembekal terhadap bencana seperti kebakaran, air, kecurian, kerugian dan kerosakan lain. Pembekal mengaku janji untuk membuat penyenggaraan dan kerja servis yang dikehendaki secara tepat masa ke atas alat-alat dan melakukan penyenggaraan dan kerja pemuliharaan dengan perbelanjaan Pembekal. Penjualan semula bahagian-bahagian yang dihasilkan dengan menggunakan model-model dan alat-alat tersebut adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan bertulis yang nyata oleh Pelanggan.

14.4 Dokumen-dokumen, lukisan-lukisan, pelan-pelan dan lakaran-lakaran dan pengetahuan Pelanggan yang lain di mana Pelanggan memberi amanah kepada Pembekal untuk menghasilkan penghantaran dan/atau perkhidmatan yang dipesan, dalam apa jua bentuk kekal menjadi hak milik Pelanggan. Mereka merupakan rahsia perdagangan Pelanggan dan hendaklah dilayan secara rahsia. Pembekal mengaku janji untuk melayani mereka dengan baik, hanya membekalkan mereka kepada pekerja yang memerlukannya untuk memenuhi kontrak dan sebagai balasan, pekerja tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan, tidak membekalkan kepada pihak ketiga, membuat salinan hanya bagi tujuan melaksanakan pesanan itu, dan memulangkan semua dokumen-dokumen, termasuk salinan-salinan mereka, kepada Pelanggan dan memusnahkan semua salinan-salinan elektronik dan dokumen yang berkaitan dengannya yang disimpan dalam apa jua cara dan di mana sahaja selepas penghantaran telah dilengkapkan.

15. Perlindungan data

15.1 Dalam masa masih berterusnya Syarat-syarat Pembelian ini, Pelanggan boleh meminta Pembekal untuk membekalkan data peribadinya dan data peribadi pekerja-pekerja/ejen-ejen/pengarah-pengarah/pemegang-pemegang syer/wakil-wakil/orang yang diberi kuasa bagi pelaksanaan kontrak, pentadbiran dan tujuan perniagaan sah yang lain.

15.2 Data peribadi Pembekal dan pekerja-pekerja/ejen-ejen/pengarah-pengarah/pemegang-pemegang syer/wakil-wakil/orang yang diberi kuasa boleh didedahkan dan dikongsi dengan syarikat-syarikat lain yang berkaitan dengan Pelanggan di dalam dan di luar Malaysia bagi tujuan yang tersebut di atas.

15.3 Pembekal waran bahawa ia telah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan persetujuan telah diperolehi daripada pekerja-pekerja/ejen-ejen/ pengarah-pengarah/ pemegang-pemegang syer/ wakil-wakil/

orang yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka oleh Pelanggan bagi tujuan yang tersebut di atas.

16. Asal barang dan kawalan eksport

16.1 Sekiranya diminta oleh Pelanggan, Pembekal mengaku janji akan memberikan bukti asal yang mematuhi keperluan perundangan yang sah pada tarikh pengisuan. Pembekal harus memberikannya kepada Pelanggan secara percuma. Kalau deklarasi pembekal jangka panjang digunakan, Pembekal harus, apabila pesanan belian diterima, memaklumkan Pelanggan perubahan status berasal dengan segera. Negara asal yang sebenar harus dinyatakan dalam dokumetasi bagi transaksi tersebut, meskipun tidak berlayak bagi layanan kastam keutamaan

16.2 Pembekal hendaklah memaklumkan Pelanggan tentang apa-apa kelulusan yang diperlukan untuk eksport atau pengeksportan semula barangan yang dikehendaki oleh Jerman, Eropah, Amerika Syarikat atau peraturan-peraturan eksport atau kastam lain yang terpakai. Untuk tujuan ini, kecuali informasi ini diberikan dalam quotasi Pembekal, Pembekal harus memberi informasi ini dalam pengesahan pesanan dan di setiap invoice bagi item yang berkenaan untuk barang; kod komoditi, AL No. (nombor senarai eksport) bagi versi terkini EC Dual Use Regulation atau Part I senarai eksport (*Annex "AL" kepada German Foreign Trade and Payment Regulation*) dan ECCN (*Export Control Classification Number*) menurut perundangan eksport US.

16.3 Atas permintaan Pelanggan, Pembekal berobligasi untuk memaklumkan Pelanggan secara bertulis bagi semua data perdagangan luar negeri yang berkaitan dengan barangan dan komponennya, serta memaklumkan Pelanggan dengan serta-merta secara bertulis mengenai semua perubahan kepada data yang dinyatakan dalam Seksyen 16.1- 16.2.

16.4 Jika maklumat mengikut Seksyen-seksyen sebelumnya tidak dibekalkan atau dibekalkan dengan tidak betul, Pelanggan berhak untuk membatalkan kontrak tanpa prejudis tuntutan selanjutnya terhadap Pembekal.

17. Pembatalan dan hak penamatan

Sebagai tambahan kepada hak Pelanggan di sisi undang-undang, Pelanggan berhak untuk menamatkan kontrak sekiranya situasi kewangan Pembekal telah merosot dengan ketara atau ada risiko yang akan terjadi dan sebagai akibatnya obligasi pembekalan barang dan perkhidmatan menjadi sesuatu risiko atau insolvensi berlaku atau sekiranya Pembekal menggantung pembayaran. Pelanggan juga boleh menamatkan kontrak sekiranya Pembekal berada di bawah pengaruh kawalan pesaing Pelanggan.

18. Tanggungjawab keusahawanan, kod etika dan gaji minimum

18.1 Pembekal mengisytiharkan komitmennya dalam skop tanggungjawab keusahawanan untuk memastikan bahawa ia mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang, termasuk undang-undang perlindungan alam sekitar, peraturan-peraturan yang berkaitan dengan undang-undang buruh dan undang-undang mengenai keselamatan pekerja-pekerja, dan tidak bertolak ansur dengan buruh kanak-kanak atau buruh paksa di dalam atau berhubung dengan pengeluaran dan penjualan barangan atau pembekalan perkhidmatan. Setelah menerima pesanan, Pembekal juga mengesahkan bahawa ia tidak melakukan atau bertolak ansur dengan sebarang bentuk sogokan dan rasuah. Pelanggan menarik perhatian Pembekal kepada *VOITH Code of Conduct*, yang boleh dirujuk di <http://www.Voith.com>. Pelanggan mengharapkan Pembekal mematuhi kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya dan memberi bantuan untuk memastikannya dipatuhi.

18.2 Lebih khusus, Pembekal beraku janji untuk mematuhi undang-undang yang terpakai bagi setiap kes berkaitan gaji minimum secara am dan mengenakan obligasi dengan takat yang sama terhadap sub-pembekal. Pembekal akan memberi bukti bahawa jaminan di atas telah dipatuhi, sekiranya diminta oleh Pelanggan, Sekiranya jaminan di atas tidak dipatuhi, Pembekal harus menanggung rugi bagi tuntutan yang dibawa terhadap Pelanggan oleh pihak ketiga dan beraku janji untuk membayar balik denda yang dikenakan terhadap Pelanggan.

19. Peruntukan am

19.1 Orang yang berkerja di dalam premis Pelanggan atau premis syarikat sekutu Pelanggan yang akan menjalankan kontrak perlu memerhati terma peraturan kerja yang berkenaan. Liabiliti untuk kemalangan yang ditimpa atas orang-orang ini di dalam premis harus dikecualikan, melainkan kemalangan ini berlaku disebabkan kecuaiian terlahu atau kecuaiian yang disengajakan dalam melangari obligasi.pada pihak wakil berkanun atau agen yang mewakilinya.

19.2 Penggunaan hubungan perniagaan dengan Pelanggan atau menggunakan Pelanggan sebagai rujukan bagi pertanyaan Pembekal, pesanan belian dan surat-menyurat yang berkaitan dengan tujuan pemasaran adalah dilarang. Pembekal hany dibenarkan untuk mengguna hubungan

pemiagaan dengan Pelanggan atau mengguna Pelanggan sebagai rujukan dengan kebenaran bertulis Pelanggan terdahulu.

19.3 Penyerahakan Syarat-syarat Pembelian ini tanpa kebenaran bertulis yang nyata oleh Pelanggan akan terbatal dan tidak sah terhadap Pelanggan.

19.4 Undang-undang Malaysia harus mengawal perhubungan kontraktual dengan konflik perundangan.

19.5 Mahkamah undang-undang yang mempunyai kompeten di tempat pemiagaan Pelanggan hendaklah mempunyai bidang kuasa bagi tujuan menghakimi pertikaian atau tuntutan di bawah Syarat-syarat Pembelian. Pelanggan juga boleh mengambil tindakan undang-undang di tempat perniagaan Pembekal.

19.6 Jika peruntukan individu di bawah Syarat-syarat Pembelian ini adalah atau menjadi tidak sah sepenuhnya atau sebahagiannya, ia tidak akan menjejaskan peruntukan-peruntukan lain.

19.7 Pembekal hendaklah menanggung duti setem (termasuk apa-apa penalti) yang dikenakan ke atas Syarat-syarat Pembelian ini.

19.8 Syarat-syarat Pembelian ini telah disediakan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya Syarat-syarat pembelian ini telah diterjemahkan kepada bahasa selain daripada Inggeris, versi Inggeris akan diguna pakai setakat mana terdapatnya sebarang konflik atau ketidakselarasan dalam maksud di antara versi Inggeris dan terjemahannya.